

Dakwa gagal bawa Bersatu ke tahap lebih baik

Mohd. Izhar salahkan Muhyiddin

Oleh **MOHAMAD FAIZAL**

HASHIM

utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Larkin, Datuk Mohd. Izhar Ahmad meletakkan kegagalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai punca beliau meninggalkan parti.

Beliau mendakwa, Muhyiddin bukan sahaja gagal membawa Bersatu ke tahap yang lebih baik bahkan tidak berusaha memulihkannya selepas berpisah dengan kumpulan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya membuat keputusan ini tanpa berbincang dengan sesiapa pun dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa. Sama seperti yang dilakukan Mazlan Bujang (bekas ADUN Puteri Wangsa). Ia berdasarkan kesedaran kami sendiri.

“Keputusan itu diambil dengan berat hati setelah parti hilang hala tuju dan gagal meneruskan perjuangan agenda penubuhan parti tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Bekas Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sum-



“Keputusan itu diambil dengan berat hati setelah parti hilang hala tuju dan gagal meneruskan perjuangan agenda penubuhan parti tersebut.”

MOHD. IZHAR AHMAD

ber Manusia Johor berkata, beliau juga tidak akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Larkin atau bertanding di mana-mana kawasan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor nanti.

Katanya, keputusan itu akan membuka ruang kepada mana-mana parti untuk meletakkan calon muda dengan idea yang lebih segar dan berintegriti.

Mengulas hala tujunya dalam dunia politik, Mohd. Izhar

memberitahu akan mengambil masa untuk menenangkan diri sebelum membuat keputusan berhubung parti yang akan disertai.

“Jika saya ingin terus berpolitik, parti yang akan disertai itu mestilah parti yang bagus dan mampu untuk membantu rakyat. Kita tunggu dan lihat,” katanya.

Sebelum ini, ADUN Puteri Wangsa turut mengambil langkah yang sama meninggalkan Bersatu.